

Saksi dakwa Najib tak beri kerjasama

Bekas PM menyatakan 'akan jawab di mahkamah' ketika ditanya

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini, semalam diberitahu, Datuk Seri Najib Razak tidak memberikan kerjasama ketika disoal siasat berhubung skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan hanya menyatakan akan menjawab persoalan di mahkamah.

Saksi ke-48 pendakwaan, iaitu Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Asisten Komisioner Foo Wei Min yang juga pegawai penyiasat 1MDB, berkata bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika disoal siasat olehnya pada 3 Oktober 2018.

Wei Min berkata, Najib hanya

menyatakan, "Saya akan jawab di mahkamah" ketika disoal berhubung lima transaksi membatik wang berjumlah RM2,27 bilion berkait kesalahan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram dana 1MDB.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi pemeriksaan balas dalam kes penyelewengan dana 1MDB yang dihadapi Najib.

Transaksi pada 2013 itu membatik lima cek, iaitu cek RM20 juta yang ditunai ke dalam akaun UMNO; cek RM100,000 ke akaun UMNO Batu Kawan; cek RM246,000 ke akaun ahli perniagaan, Lim Soon Peng; cek RM2 juta ke dalam syarikat Orb Solutions Sdn Bhd; dan cek RM303,000 ke dalam firma Semarang Konsortium Satu Sdn Bhd.

Sementara itu, Wei Min bersetuju dengan Muhammad Shafee bahawa soal siasat terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu ber-

laku selepas beliau (Najib) didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur iaitu pada 20 September tahun sama.

Ia menyebabkan saksi disoal bertalu-talu mengenai perkara berkenaan kerana Muhammad Shafee menegaskan bahawa anak guamnya sudah tentu boleh memberikan penjelasan mengenai lima cek yang didakwa membatik dana daripada aktiviti haram.

Saksi itu bagaimanapun, tetap dengan keterangannya bahawa Najib berulang kali menyatakan akan menjawab di mahkamah, kerana beliau sudah didakwa berhubung RM2.08 bilion dana daripada 1MDB yang dipindahkan ke dalam akaun bank peribadi miliknya pada 2013.

Wei Min memberikan keterangan terhadap Najib yang menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana

1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membatik jumlah sama.

Nafi diarah 'kuasa atasan'

Sementara itu, Wei Min menafikan cadangan Muhammad Shafee bahawa beliau diarahkan oleh 'kuasa atasan' untuk menyoal siasat Najib dan bertanyakan soalan berhubung transaksi dalam akaun peribadinya selepas (Najib) dituduh di mahkamah.

Menurut Muhammad Shafee, 'kuasa atasan' berkenaan tidak semestinya daripada pihak dalam pasukan polis, dan arahan terbabit semata-mata dan kononnya untuk memenuhi kehendak undang-undang.

Bagaimanapun, saksi itu berkata, ia adalah sebahagian daripada siasatan bagi Fasa Tanore dan beliau mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk bertanyakan soalan sebagai pegawai penyiasat.

Fasa Tanore merujuk kepada kes pendakwaan, iaitu RM2.081 bilion dikreditkan ke akaun Najib menerusi AmPrivate Banking - MR daripada akaun Falcon Private Bank, Singapura atas nama

Tanore Finance Corp, antara 21 Mac dan 10 April 2013, di mana ia dikesan pada bon dikeluarkan 1MDB Global Investment Limited.

Pada masa sama, Wei Min juga tidak bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa beliau berasa terdorong bertanyakan soalan terbabit kerana menyedari kegagalan untuk bertanyakan soalan mengenai perkara dalam pertuduhan, adalah melangkai prinsip perbicaraan yang adil.

Muhammad Shafee turut mencadangkan bahawa anak guamnya tidak mengetahui Tanore adalah milik sekutu kepada ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, iaitu Eric Tan Kim Loong.

Wei Min bersetuju bahawa Najib sendiri ketika disoal siasat, menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui siapa pemilik akaun Tanore dan hanya menyatakan ia mungkin ada kaitan dengan kerabat diraja Arab Saudi.

Perbicaraan bersambung hari ini.



Foo Wei Min